



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 13 NOVEMBER 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	TANAM TIMUN LAHIRKAN JUTAWAN, NASIONAL, BH -13 2. 'TANAM TIMUN, ANAK MUDA JADI JUTAWAN' -TZE TZIN, NEWS, MALAYSIA MSN -6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
3. 4. 5. 6.	PENGELUARAN NANAS MENINGKAT KERANA PERMINTAAN TINGGI, ASTRO AWANI -ONLINE 770 HECTARES UNDER PINEAPPLE IN INTER-CROPPING PROJECT MINISTRY, NEWS, EDISI VIRAL -10 770 HECTARES UNDER PINEAPPLE IN INTER-CROPPING PROJECT - MINISTRY, BUSINESS, BORNEO POST (KUCHING) -A2 TIMB MENTERI 'BELI' PANTUN AZEEZ DENGAN KRITIKAN, MALAYSIA KINI -ONLINE	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
7. 8.	TINGKAT KELUARAN DAGING DOMESTIK, SEPINTAS, BH -13 MUSANG KING MALAYSIA LARIS DI CHINA, NASIONAL, BH -9	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Sepintas

Tanam timun lahirkan jutawan

Kuala Lumpur: Sistem fertigasi dalam penanaman timun, cili padi dan terung yang dianggap hanya memberi pendapatan sampingan kepada pengusahanya, mampu melahirkan jutawan dalam kalangan anak muda jika diusahakan secara serius.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin, berkata ini dibuktikan pengusaha timun di Tanjung Piai, Pontian yang menjadi jutawan menerusi tanaman timun.

Katanya, Rizuan Yassin yang mengusahakan timun secara komersial kini bergelar jutawan berikutan permintaan tinggi.

Justeru, beliau berkata, kementerian menggalakkan penanam sawit dan getah memperuntukkan 30 peratus tanah pertanian mereka untuk tanaman kontan.

Headline	'Tanam timun, anak muda jadi jutawan'- Tze Tzin		
MediaTitle	Malaysia MSN (www.msn.com/en-my)		
Date	13 Nov 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	4
Order Rank	6	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,400
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,200

'Tanam timun, anak muda jadi jutawan'- Tze Tzin

azrone@bh.com.myKUALA LUMPUR: Sistem fertigasi dalam penanaman timun, cili padi dan terung yang selama ini dianggap hanya memberi pendapatan sampingan kepada pengusahanya, mampu melahirkan jutawan dalam kalangan anak muda jika diusahakan secara bersungguh...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/11/2019	ASTRO AWANI	ONLINE	

Pengeluaran nanas meningkat kerana permintaan tinggi

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) telah memperkenalkan projek integrasi tanaman nanas menerusi Rancangan Malaysia ke-11. Menurut Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin projek integrasi tanaman nanas diperkenalkan bagi memastikan pembangunan kawasan tanaman nanas dan memberi pendapatan tambahan kepada penanam kelapa sawit dan getah.

Headline	770 hectares under pineapple in inter-cropping project Ministry		
MediaTitle	Edisi Viral (http://www.edisiviral.com/)		
Date	13 Nov 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	1
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 450
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,350

770 hectares under pineapple in inter-cropping project Ministry

A total of 679 participants have so far benefited from the integrated pineapple project, which was introduced by the ministry through the Malaysian Pineapple Industry Board as one way to promote pineapple cultivation as well as supplement the incomes of o...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	770 hectares under pineapple in inter-cropping project — Ministry		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	13 Nov 2019	Color	Full Color
Section	Business	Circulation	60,767
Page No	A2	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	334 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,555
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 13,665



770 hectares under pineapple in inter-cropping project — Ministry

KUALA LUMPUR: A total of 770 hectares of land have been cultivated with pineapple since the implementation in 2016 of the integrated pineapple project where pineapple is inter-cropped with oil palm and rubber, the Dewan Rakyat heard yesterday.

Deputy Minister of Agriculture and Agro-based Industry Sim Tze Tzin said in 53 per cent of the acreage, pineapple is inter-cropped with oil palm, 35 per cent with rubber while the remaining 12 per cent is mixed with fruit and coconut trees.

He was replying to an oral question from Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim (BN-Baling), who wanted to know whether the pineapple intercropping incentive has helped oil palm and rubber smallholders to lessen their cost of living burden.

Sim said 679 participants have so far benefited from the integrated pineapple project, which was introduced by his ministry through the Malaysian Pineapple Industry Board as one way to promote pineapple cultivation as well as supplement the incomes of oil palm and rubber smallholders.

"On average, project participants get a supplementary income of RM2,500-RM3,500 a month depending on the pineapple acreage and variety," he said.

Sim said last year, Malaysia



A total of 679 participants have so far benefited from the integrated pineapple project, which was introduced by the ministry through the Malaysian Pineapple Industry Board as one way to promote pineapple cultivation as well as supplement the incomes of oil palm and rubber smallholders. — Bernama photo

was the 23rd largest pineapple producer in the world and the fifth largest in Southeast Asia after Thailand, the Philippines, Indonesia and Vietnam.

In 2018, Malaysia produced

382.811 tonnes of pineapple worth RM502 million or 27.7 per cent of the fruit sub-sector's output, he noted.

"National pineapple production is expected to grow 22.1 per cent

annually with the 2020 output projected at 700,000 tonnes.

"Pineapple exports in 2018 were valued at RM342 million, up 39.18 per cent over 2017," he added. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/11/2019	MALAYSIA KINI	ONLINE	

Timb menteri 'beli' pantun Azeez dengan kritikan



PARLIMEN | Seni pantun sering kali digunakan anggota parlimen di Dewan Rakyat, sama ada ketika perbahasan atau membuat celahan. Kali ini giliran Abdul Azeez Abdul Rahim (BN-Baling) yang cuba 'menjualnya' kepada Sim Tze Tzin.

Ia ketika Abdul Azeez ingin meminta Sim, yang juga timbalan menteri pertanian dan asas tani, untuk menjawab soalnya.

"Tengkujuh tiba semua terjejas,

Penoreh getah hidup sengsara,

Disuruh pula tanam nanas,

Soalan saya nombor dua."

Bagaimanapun Sim tidak 'membeli' pantun itu dan secara berseloroh berkata pantun itu "tidak berapa kena".

"Terima kasih YB Baling. Tapi pantun tak berapa 'match' lah. Tetapi tak apa, tengkujuh datang atau tidak, kementerian pertanian sedia membantu," katanya sebaik bangun untuk menjawab soalan lisan tersebut, berkenaan sama ada penanaman nanas mampu membantu meringankan beban kos sara hidup pekebun sawit dan getah, seperti yang dicadangkan Kementerian Industri Utama sebelum ini.

Sim berkata, nanas mendapat permintaan tinggi dari dalam dan luar negara dan kini meliputi 27.7 peratus daripada pengeluaran sektor buah-buahan di Malaysia, bersamaan 382,811 tan metrik dengan nilai RM502 juta.

Katanya lagi, pengeluaran nanas dijangka bertumbuh pada kadar 22.1 peratus setahun dengan unjuran pengeluaran sebanyak 700,000 tan metrik pada tahun 2020, selepas mengambil kira jumlah eksport yang meningkat sebanyak 39.18 peratus pada 2018 berbanding 2017.

Malah, katanya lagi, Projek Integrasi Tanaman Nanas yang dimulakan sejak 2016 telah memanfaatkan 679 peserta yang mendapat tambahan pendapatan sebanyak RM2,500 hingga RM3,500 sebulan, bergantung kepada keluasan ladang dan jenis nanas yang ditanam.

Ladang nanas di Pontian

Azeez kemudian mengucapkan tahniah kepada Sim atas jawapan yang menurutnya "memuaskan", namun mencadangkan agar nanas bukan sekadar menjadi tanaman alternatif, tetapi tanaman utama seperti getah dan kelapa sawit.

"Akhir sekali YB, tadi timbalan menteri kata pantun saya tak bagus, ini pantun terakhir," katanya sebelum duduk:

"Bila kepala sudah celaru,

Orang hidup dipanggil arwah,

Terima kasih kerajaan baru,

Buat rakyat gelisah dan marah."

Azeez dipercayai merujuk kenyataan Menteri Belia dan Sukan Syed Saddiq Syed Abdul Rahman baru-baru ini yang tersilap memanggil calon PH PRK Tanjung Piai Karmaine Sardini sebagai 'Arwah Haji Karmaine'.

Sim sekali lagi berseluruh mengutarakan kritiknya terhadap pantun Azeez: "Pantun patutnya membawa kebaikan, menceriakan Dewan. Tetapi pantun YB berbau politik...Kita bawa seni yang lebih baik dan bersopan".

Sim kemudian berkata beliau setuju dengan pandangan Azeez berkenaan industri nanas dan menyuarakan harapannya agar pekebun dapat mengubah anggapan bahawa tanaman itu hanya ketika musim penebangan kelapa sawit.

Katanya, kementeriannya mencadangkan agar pekebun dapat memperuntukkan kira-kira 20 peratus daripada ladang mereka untuk tanaman kontan, termasuk nanas.

Ia dapat menampung pendapatan daripada tanaman kelapa sawit dan getah apabila tiba musim tengkujuh dan ketika harga komoditi itu merosot.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/11/2019	BERITA HARIAN	SEPINTAS	13

Tingkat keluaran daging domestik

Kuala Lumpur: Kerajaan melihat keperluan menggiatkan lagi pengeluaran daging lembu domestik dan mempelbagaikan negara sumber import bekalan itu pada masa depan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata ketika ini keupayaan membekalkan daging tempatan hanya sekitar 22 peratus, manakala 78 peratus dibeli dari luar negara.

“Antara masalah dikenal pasti adalah kos makanan ternakan terlalu tinggi. Ada keperluan Dasar Makanan Haiwan Kebangsaan diperkenalkan, selain mempelbagaikan sumber import,” katanya.

Musang King Malaysia Laris di China

Durian
berkualiti
tinggi jadi
pilihan kerana
rasa, warna

Percaturan oleh syarikat pemborong hasil pertanian rentas sempadan yang berpangkalan di timur republik itu, diambil selepas mendapati kualiti 'raja buah' dihasilkan Malaysia mempunyai potensi tersendiri, berbanding Thailand.

Memperincikan perkara itu, Pengarah dan Rakan Kanan Jabatan Barangan Segar Pagoda, Sun Peng, berkata nilai pasaran import durian ke China dari Asia Tenggara ketika ini adalah sekitar 3 bilion renminbi (RM1.77 bilion).

Dua negara di rantau berkeinginan menjadi pembekal utama permintaan pasaran domestik di China adalah Malaysia dan Thailand, dengan masing-masing mempunyai kelebihan kualiti buah mengikut cita rasa pengguna.



Hangzhou, China

Luqman Arif
Abdul Karim

luqman.arif@bh.com.my

Syarikat pemborong milik Alibaba Group, Pagoda, berhasrat memperkukuhkan pasaran import durian dari Malaysia, bagi memenuhi permintaan di China.



Petugas media dari seluruh dunia berkumpul di ibu pejabat Alibaba di Hangzhou, China, sejak Sabtu lalu sempena Festival Jualan Global 11.11 2019. (Foto Luqman Arif Abdul Karim/BH)

"Berdasarkan perangkaan semasa, nilai import durian dari Malaysia adalah sekitar 500 juta hingga 700 juta renminbi (RM286 juta hingga RM414 juta), bergantung kepada kadar penghasilan mengikut musim.

"Kita akan terus pacu kerjasama dengan Malaysia dalam sektor import durian, malah Pagoda ketika ini mempunyai kaedah sampingan tersendiri di lokasi pengumpulan, bagi memastikan hanya buah berkualiti akan diambill.

"Bagi melancarkan aspek operasi, kita juga mempunyai kemudahan penyimpanan sendiri, se-

iring pertumbuhan kadar permintaan durian dari Malaysia untuk kegunaan pelbagai sektor, termasuk hiliran," katanya dalam temu bual bersama media Asia Tenggara, di sini.

Mengulas keunikan durian Malaysia, Peng berkata, buah dan pada baka paling laris dan semakin mendapat permintaan luar biasa di China ketika ini ialah 'Musang King' yang sememangnya terkenal dengan faktor rasa serta warnanya.

Jika dibandingkan dengan Thailand yang turut menghasilkan jenis buah sama, Malaysia dikatakan mempunyai kelebihan be-

rikutan kaedah penanaman dan pemalakan.

"Kita tidak boleh bandingkan durian Malaysia dan Thailand, kerana masing-masing mempunyai ciri tersendiri, justeru ia sebenarnya bergantung kepada permintaan di pasaran China.

"Musang King dihasilkan Malaysia lebih berkualiti, kerana buahnya dibiarkan sampai masak pada pokok sebelum dituai apabila jatuh ke tanah.

"Thailand pula berbeza rasa dan kualiti kerana mereka petik buah berkenaan lebih awal serta dibiarkan masak menggunakan kaedah tersendiri," katanya.